

Headline	Sang Saka Biru kekal tangga teratas liga		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	56	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,536



Sang Saka Biru kekal tangga teratas liga

» Pulau Pinang
tercicir mata
ketinggalan enam
mata selepas tewas
kepada JDT II

Oleh Nazri Abu Bakar, Rizar
Mohd Noor, Mohd Amin Jalil
dan Bashah Zainol Abidin
bhsukan@bh.com.my

Polis Diraja Malaysia (PDRM) meraih kemenangan keempat berturut-turut untuk memulakan pusingan kedua Liga Perdana dengan kemenangan 3-0 ke atas KL SPA di Stadium Hang Jebat, Paya Rumput, Melaka, petang semalam, sekali gus skuad kendalian Dollah Salleh itu kekal menerajui tangga teratas liga dengan 32 mata.

Gol pembukaan skuad bergelar Sang Saka Biru hadir seawal minit kelima menerusi Munir Amran disusuli tambahan dua lagi jaringan penyerang import dari Brazil, Chad Charles Souza pada minit ke-15 dan 18 bagi merentap semangat juang KL SPA untuk sekurang-kurangnya mengutip satu mata berharga.

"Pemain beraksi dengan baik untuk meraih tiga lagi mata penuh bagi menguasai liga walaupun KL SPA cuba memberi tekanan selepas ketinggalan tiga gol pada babak pertama perlawanan.

"Saya mengharapkan rentak

mantap akan terus dipersembahkan pasukan menjelang perlawanan seterusnya berdepan JDT II di laman sendiri, Isnin ini," kata Dollah ketika ditemui selepas perlawanan.

● **Di Stadium Pasir Gudang,** Pulau Pinang tercicir mata untuk kini ketinggalan enam mata di belakang PDRM di tangga kedua apabila tewas 3-2 kepada Johor Darul Ta'zim II (JDT II).

Pulang Pinang yang ketinggalan 2-0 menerusi jaringan Braulio Rodriguez pada penghujung babak pertama dan sepaikan penalti Shahril Ishak minit ke-52, berjaya bangkit membalas dua gol menerusi Buengo Titi (54) dan Lee Kwang Hyeon (65). Namun dikecewakan gol kemenangan Rodriguez pada minit ke-90 untuk melonjak JDT II ke tangga kelima dengan 18 mata.

● **Di Stadium Selayang, FEL-DA United** terus menghimpit Pu-

lau Pinang di tangga ketiga apabila meraih kemenangan kelima berturut-turut dengan menewaskan DRB-HICOM 3-2 untuk mengumpul 25 mata - hanya satu mata di belakang skuad kendalian K Devan itu.

● **Di Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi,** Negeri Sembilan terus mengekori di tangga keempat selepas turut meraih kemenangan apabila berjaya menewaskan Perlis 2-0 menerusi jaringan Kim Jin Ryong minit ke-13 dan Jozef Kaplan minit ke-79 untuk kini meraih 21 mata.

● **Di Stadium Darul Aman,** Kedah pula turun ke tangga keenam apabila sekadar seri 1-1 dengan UiTM FC di Stadium Darul Aman, Alor Setar selepas jaringan Billy Mehmet pada minit ke-88 disamakan pasukan pelawat pada masa kecederaan menerusi Aiman Syazwan.

Headline	Sang Saka Biru kekal tangga teratas liga		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	56	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,536



Pemain PDRM Chad Charles Souza (jersi nombor 10) cuba **melepasi** halangan pertahanan KL SPA di Stadium Hang Jebat, Melaka. [FOTO NAZRI ABU BAKAR/BH]